

Mohamad Hussin
mohamad_hussin@
hmetro.com.my

Skim Geran Penyelidikan Jangka Panjang (LRGS) di bawah inisiatif Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) menjalankan penyelidikan bagi jaminan beras negara khususnya tanaman padi.

Sehubungan itu, Universiti Putra Malaysia (UPM) diberi tanggungjawab menghasilkan sembilan produk teknologi padi sekali gus membantu petani meningkatkan hasil tanaman berkenaan.

Difahamkan, projek LRGS itu membabitkan peruntukan RM10 juta yang dilaksanakan sejak 2011.

Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Idris Jusoh berkata, kerajaan sentiasa memberi keutamaan kepada aspek jaminan makanan khususnya tanaman padi dengan pemberian subsidi dan bantuan kepada golongan petani.

Beliau berkata, penyelidik UPM memberi tumpuan sepenuhnya dalam penyelidikan bagi memastikan rakyat negara ini tidak menghadapi masalah atau krisis berkaitan makanan terutama beras yang menghasilkan nasi.

"Kalau dalam tanaman padi, ia berkait rapat dengan pengurusan di

GERAN RM10J UNTUK PADI

UPM diberi tanggungjawab hasil 9 produk bantu petani tingkatkan hasil



PENDUDUK
melihat hasil
teknologi padi.



IDRIS (kanan) dan Mohd Azmi (dua dari kanan) menunjukkan hasil teknologi padi.



PENYELIDIK UPM
memberi penerangan kepada petani.

sawah, penyimpanan stok untuk keperluan negara dan kaedah dalam jaminan makanan seperti mengelakkan pembaziran bahan makanan.

"Melalui penyelidikan itu, UPM memperoleh penemuan baru yang turut membantu petani untuk meningkatkan hasil tanaman padi di samping pencapaian dalam pembangunan sumber manusia.

"UPM diberi peruntukan KPT melalui LRGS untuk menjalankan penyelidikan berkenaan," katanya selepas merasmikan Pelancaran Teknologi Padi UPM @ Besut di Kampung Lubuk Kawah, Jerreh, Terengganu, baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Setiausaha, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) Badrul Hisham Mohamad dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UPM Prof Datuk Dr Mohd Azmi Mohd Lila.

Idris berkata, pihaknya menghargai peranan MOA kerana memberikan kerjasama yang baik kepada penyelidik UPM untuk menjalankan penyelidikan mereka.

"Saya dimaklumkan penyelidik UPM sudah menjalankan penyelidikan

berasaskan pendekatan membabitkan petani di beberapa jelapang padi utama negara.

"Kajian UPM juga dilakukan di luar jelapang di bawah kelolaan Jabatan Pertanian. Pendekatan penyelidikan penyertaan petani ini memberi lebih akses kepada penyaluran teknologi yang dihasilkan di makmal kepada petani," katanya.

Menurutnya, beliau menaruh harapan supaya penyarah dan penyelidik dapat turun padang bersama-sama masyarakat supaya penemuan penyelidikan mereka dapat ditransformasikan kepada golongan sasaran.

"Saya menyeru supaya kerjasama penyelidikan antara universiti dan agensi di bawah MOA dapat dikembangkan lagi kepada penyelidikan pertanian yang lain.

"Ini kerana kerajaan sangat prihatin dengan usaha penyelidikan dan pembangunan dapat dilakukan secara berintegrasi serta kerjasama bagi tujuan pengurusan sumber yang efisien," katanya.

Beliau berkata, UPM dan agensi di bawah kementerian lain yang menjalankan penyelidikan berasaskan komoditi tanaman, harus

Melalui penyelidikan itu, UPM memperoleh penemuan baru yang turut membantu petani untuk meningkatkan hasil tanaman padi di samping pencapaian dalam pembangunan sumber manusia

IDRIS

diberi peluang bersama-sama terbabit secara aktif.

"Jurang penyelidikan yang terhasil dari kekurangan pakar di bawah agensi penyelidikan lain boleh diisi dengan kepakaran yang ada di UPM.

"Saya berharap komuniti petani di Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Projek Pembangunan Pertanian Terengganu Utara (Ketara), Besut dapat mengambil peluang kehadiran pakar pertanian UPM.

"Petani boleh mendapatkan maklumat dan mengemukakan permasalahan berkaitan pertanian kepada pakar," katanya.